



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

FESTIVAL LENTERA SISIRAN TASIK PUTRAJAYA 2024 **SASAR LEBIH 1 JUTA PENGUNJUNG**

PUTRAJAYA, 24 Februari 2024 – Perbadanan Putrajaya (PPj) buat julung kalinya menganjurkan sebuah festival pencahayaan edisi khas Festival Lentera : Sisiran Tasik Putrajaya 2024 selama 9 hari bermula dari 24 Februari sehingga 03 Mac 2024, jam 5.00 petang hingga 11.00 malam bertempat di Anjung Floria, Presint 4 Putrajaya.

Festival Lentera telah disempurnakan perasmianya oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Presiden PPj bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024 dan Ulang Tahun Penubuhan Perbadanan Putrajaya yang ke-28 iaitu pada tanggal 1 Mac.

Berkonsepkan 'Tradisi & Cahaya', keunikan dan identiti festival ini adalah pertunjukan pencahayaan 'Grand Light Symphony' dan 'Musical Fountain' di Tasik Putrajaya. Festival ini turut dimeriahkan dengan elemen pertunjukan kebudayaan tradisional Melayu, Cina, India dan Borneo yang dibawakan oleh pasukan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta komuniti Putrajaya, selain dekorasi pencahayaan di atas air seperti pertunjukan bot-bot berhias bercahaya.

Lebih 30 komponen dekorasi pencahayaan disajikan kepada pengunjung antaranya Lil' Lumin's Land, Laman Komuniti Putrajaya, Laman Melayu, Laman China, Little India, Laman Retro, English Garden, Laman Dulu-Dulu, Jurassic Reverie, Enchanted Arbor, Tetris Harmony, Atma Kirana, Lumina Matrix, Algorithmic Aurora, Fantasy Garden, Panda Garden, Tree of Life, Lollipop Garden, Heart Shape Tunnel, Blue Tunnel, Avatar Trees, Aurora River, Misty Forest, Firefly Garden, dan Paddy Field.

Di samping itu, lebih 20 acara sampingan turut dianjurkan antaranya Pertandingan Kreativiti 3R, Petting Zoo, Kampung Beca, Persembahan Kebudayaan, Persembahan Band Buskers, Wayang Kulit, Wayang Pacak, Pertunjukan Remote Control Aircraft Bercahaya, Paraglider Bercahaya, Zumba Glow in the Dark dan teksi air.

Pelbagai kemudahan turut disediakan di lokasi penganjuran termasuk tempat letak kenderaan percuma, tandas, surau, Food Valley (60 gerai makanan dan minuman), Food Truck (30 peniaga) dan Coffee Fiesta (10 gerai).

Bagi pengunjung yang ingin menggunakan pengangkutan awam boleh menaiki MRT ke stesen Putrajaya di Putrajaya Sentral. Bas perantara percuma disediakan dengan kekerapan setiap 30 minit sepanjang tarikh penganjuran dari Putrajaya Sentral ke Anjung Floria (bermula jam 4:30 petang hingga 10:00 malam) dan dari Anjung Floria ke Putrajaya Sentral (bermula jam 5:00 petang hingga 11:00 malam).

Tiket masuk boleh diperolehi secara dalam talian dan di pintu masuk dengan harga RM10.00 (dewasa) dan RM5.00 (kanak-kanak 7 hingga 12 tahun dan warga emas) bagi warganegara (Mykad), manakala bagi bukan warganegara (Passport) harga tiket adalah RM30.00 (dewasa) dan RM15.00 (kanak-kanak 4 hingga 12 tahun). Bagi pemegang Kad OKU, kanak-kanak di bawah 6 tahun ke bawah (warganegara) dan 3 tahun ke bawah (bukan warganegara) tiada caj masuk dikenakan.

Dengan pelbagai pengisian yang unik, menarik dan istimewa, Lentera Putrajaya menyasarkan kehadiran pengunjung seramai 1.5 juta orang.

TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK

Pengarah (Komunikasi Korporat)
Perbadanan Putrajaya